



# Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Intellectual Property Corporation of Malaysia

(Diperbadankan)

Unit 1-7 & Mezzanine, Unit 12, 12A, 13, 15, 16, 17, 18 dan 19

Tower B, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1

59000 Kuala Lumpur


Tel.: +603 - 2299 8400 Faks: +603 - 2299 8989

Laman Sesawang : [www.myipo.gov.my](http://www.myipo.gov.my)



No. Rujukan  
Tarikh

: MyIPO/ASEAN/18  
: 24 Mei 2018



KETUA BAHAGIAN,  
BAHAGIAN HARTA INTELEK,  
Pusat Penyelidikan dan Inovasi  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Y. Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan

## ASEAN FURNITURE DESIGN CONTEST 2018

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas,

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) akan mengadakan pertandingan ASEAN Furniture Design Contest 2018 di peringkat kebangsaan. Pertandingan ini adalah kerjasama Pejabat Harta Intelek ASEAN dengan sokongan EU (ARISE Plus Program) dimana pertandingan peringkat ASEAN yang akan diadakan di Bangkok, Thailand pada Oktober 2018.

3. Objektif pertandingan ini adalah untuk memberi penghargaan dan peluang kepada pereka perabot ASEAN dan meningkatkan kesedaran dalam perlindungan harta intelek. Pertandingan ini terbuka kepada negara anggota ASEAN, terutama kepada pereka, pencipta dan mereka yang terlibat di dalam industri perabot. Pertandingan ini akan diadakan dalam 2 peringkat:

Peringkat kebangsaan (separuh akhir) : 27-28 Jun 2018

Peringkat ASEAN (akhir) : Oktober 2018

4. Sehubungan itu, MyIPO dengan segala hormatnya menjemput pihak Y. Bhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan untuk menyertai pertandingan ini. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang MyIPO ([www.myipo.gov.my](http://www.myipo.gov.my)). Bersama ini juga disertakan poster hebahan dan juga syarat-syarat pertandingan untuk rujukan.

**Tarikh tutup pertandingan peringkat kebangsaan ialah pada 12 Jun 2018 dan 5 finalis yang terpilih akan bertanding diperingkat akhir di Bangkok, Thailand.**

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi urusetia:

En. Hasrul Azha bin Baharin  
Tel : 03 – 2299 8556  
E-mel : hasrul@myipo.gov.my

En. Wan Hasbullah bin Wan Rosli  
Tel : 03 – 2299 8872  
E-mel : hasbullah@myipo.gov.my

6. Penyertaan Y. Bhg Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan ke pertandingan ini amat dialukan dan didahului ribuan terima kasih.

Sekian,  
“*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA*”



Teh Norleza binti Zakaria  
Pengarah  
Bahagian Reka Bentuk Perindustrian  
Perbadanan Harta Intelek Malaysia